

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENGANTAR BIOLOGI
KOD KURSUS : BBR 26303
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SEKOLAH RENDAH)
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** Jasad tumbuhan terdiri daripada hirarki organ, tisu dan sel.
- (a) Namakan DUA (2) komponen dalam sistem tisu. (2 markah)
 - (b) Jelaskan secara ringkas sistem tisu dermal dan vaskular. (6 markah)
 - (c) Nyatakan tiga variasi utama daun yang digunakan untuk mengenalpasti tumbuhan berbunga. Lakarkan dan terangkan variasi tersebut. (12 markah)
- S2** Mengawal selia keadaan persekitaran dalaman merupakan cabaran utama untuk badan haiwan. Haiwan mengawal persekitaran dalaman mereka melalui mekanisme pengawalaturan dan pematuhan serta homeostasis.
- (a) Takrifkan homeostasis dan berikan DUA (2) komponen utama dalam mencapai homeostasis bagi manusia dan haiwan. (2 markah)
 - (b) Jelaskan secara ringkas mekanisme pengawalaturan dan pematuhan haiwan dengan persekitarannya. (6 markah)
 - (c) Terangkan perbezaan antara maklumbalas negatif dan positif dalam homeostasis. (12 markah)
- S3** Fotosintesis dan perembesan hormon merupakan antara dua komponen utama dalam penerusan pertumbuhan dan perkembangan tumbuhan.
- (a) Senaraikan DUA (2) sumber utama untuk tumbuhan menjalankan fotosintesis. (2 markah)
 - (b) Jelaskan secara ringkas bagaimana hasil fotosintesis di agihkan ke seluruh bahagian tumbuhan. (2 markah)
 - (c) Analisis peranan hormon utama dalam pertumbuhan dan perkembangan tumbuhan. Kenalpasti bahagian-bahagian tumbuhan yang terlibat dalam penghasilan atau penggunaan hormon-hormon tersebut. (16 markah)

- S4** Sasaran dalam pernafasan ialah untuk menghantar oksigen kepada badan dan mengangkut keluar karbon dioksida.
- (a) Lakarkan mekanisma “mengangkut” dan “menurunkan” gas-gas respiratori di dalam badan manusia. (8 markah)
- (b) Selepas hujan lebat, cacing tanah akan keluar ke permukaan. Bincangkan kelakuan ini dari segi keperluan seekor cacing tanah untuk pertukaran gas. (12 markah)
- S5** Imuniti merupakan sistem pertahanan manusia dan haiwan. Gangguan dalam fungsi sistem imun boleh menyebabkan atau memburukkan lagi penyakit.
- (a) Hubungkan gambar yang ditunjukkan di **Gambarajah S5(a)** dengan konsep imunisasi aktif dan pasif. (10 markah)
- (b) Cadangkan tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkan tindakbalas imuniti yang bahaya dalam pemindahan darah manusia. (10 markah)


PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER / SESSI
KURSUS

: SEM II / 2014/2015
: PENGANTAR BIOLOGI

PROGRAM
KOD KURSUS

: 3 BBR
: BBR26303



GAMBARAJAH S5(a)

-SOALAN TAMAT-